

UUM ONLINE: Kementerian Pelajaran Malaysia menyokong usaha Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk menggalakkan kalangan guru dan pelajar dari seluruh negara supaya menggunakan teknologi ICT bagi meningkatkan teknik pembelajaran dan pengajaran di sekolah.

Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran Malaysia, Datuk Zulkifly Mohd Wazir berkata, kementerian memberi sokongan penuh kepada usaha ini kerana ia akan memberi kesan mendalam kepada komuniti pendidikan.

Katanya, penerapan elemen teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran akan mempertingkatkan keberkesanan proses penyampaian ilmu dan meningkatkan minat para pelajar.

"Teknologi ICT adalah *enabler* bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam sistem pendidikan negara. Dengan ICT, kita dapat memperoleh ilmu dengan mudah cepat dan selesa.

"Jika sebelum ini, kita hanya menggunakan ICT sebagai medium untuk mencari maklumat, kini penggunaan ICT diperluaskan ke penceritaan," katanya ketika menyampaikan ucapan di Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Penceritaan Digital 2010, di sebuah hotel di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dalam pertandingan itu, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Pengkalan Hulu, Perak memenangi tempat pertama bagi kategori pelajar, tempat kedua Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Selamat, Tasek Gelugor, Pulau Pinang dan ketiga Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Lokman, Kuala Lumpur.

Kategori guru dimenangi oleh guru dari Sekolah Menengah Sultanah Asma, Alor Setar, Kedah, tempat kedua Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (T) Taman Melawati, Kuala Lumpur dan ketiga Sekolah Kebangsaan Sena, Kangar, Perlis.

Pertandingan penceritaan anjuran ITU-UUM dan Multimedia Development Corporation (MDC) dengan kerjasama TM Berhad dan BlueHyppo.com mendapat 63 penyertaan daripada pelajar dan guru daripada seluruh Malaysia.

Majlis penyampaian hadiah turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Rosna Awang Hashim, Pengurus Creative Multimedia Department MDC, Hasnul Nadzrin Shah dan Timbalan Pengurus Besar Kumpulan Bahagian Pemasaran TM Berhad, Iskandar Ishak.

Zulkifly berkata, melalui penceritaan digital, pengetahuan dan pengalaman dapat dikongsi dan disampaikan dengan lebih mudah dan berkesan.

"Penceritaan digital dapat digunakan sebagai platform pengkongsian ilmu, idea dan pengalaman yang boleh digunakan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran," katanya.

Sementara itu, Rosna berkata UUM amat mengalu-alukan dan memberi sokongan penuh terhadap pakatan strategik seperti ini kerana ia akan membantu memberi pengetahuan dan pendedahan kepada masyarakat umum.

"Program ini bukan sahaja berbentuk pertandingan semata-mata tetapi juga diisi dengan beberapa siri latihan penghasilan karya digital tempatan bagi memberi pengetahuan kepada semua lapisan masyarakat," katanya.

Beliau berkata, empat siri latihan diadakan di empat zon membabitkan kawasan Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi zon utara, zon timur di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), zon selatan di Kolej Komuniti Pasir Gudang dan zon tengah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Beliau berkata, adalah sesuatu yang membanggakan ialah sambutan yang diterima dari kalangan para pelajar dan guru pada setiap bengkel latihan amat menggalakkan.

Habis.

=====

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3013/3661/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my